



**UNIT PEPERIKSAAN, HEA
UiTM CAWANGAN SABAH KAMPUS KOTA KINABALU**

**IKLAN TAWARAN KHIDMAT PEMBANTU PENGAWAS PEPERIKSAAN
OKTOBER 2016**

1. Calon yang berkelayakan adalah diperlukan untuk mengisi jawatan di atas mengikut syarat-syarat perantikan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia (Bumiputera).
 - (b) Pemohon mestilah berumur 17 tahun ke atas tetapi tidak melebihi 30 tahun pada tarikh permohonan dibuat. Pemohon yang belum mencapai umur 18 tahun hendaklah mendapat kebenaran ibu/bapa/penjaga.
 - (c) Sihat tubuh badan.
 - (d) Keutamaan akan diberi kepada anak-anak staf UiTM. Ahli keluarga yang lain atau kenalan juga boleh dipertimbangkan. Staf UiTM yang terbabit akan dianggap sebagai rujukan perwatakan pemohon.
 - (e) Kelayakan minimum sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 atau mempunyai SPM atau setaraf dengannya.
 - (f) Pelajar UiTM / Bekas Pelajar UiTM / Staf Akademik UiTM tidak dibenarkan memohon.
 - (g) Calon-calon hendaklah komited dengan bidang tugas.
 - (h) Pihak UiTM boleh menamatkan tempoh perkhidmatan Pembantu Pengawas pada bila-bila masa, jika didapati melanggar etika dan peraturan yang ditetapkan.
2. Taraf Jawatan - Sambilan (mengikut tempoh peperiksaan iaitu bermula dari **26 September – 23 Oktober 2016**)
3. Kadar Elaun - RM 4.00 sejam.
4. Calon yang berminat sila dapatkan Borang Permohonan di **Pejabat Unit Peperiksaan, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu** atau melalui laman web rasmi.
5. Tarikh tutup permohonan : **15/9/2016**
6. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah **dikembalikan kepada Pejabat Unit Peperiksaan, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu sebelum atau pada 15/9/2016.**